

# Pas tak bimbang pendekatan menyerang pembangkang

UM 22 MAY 2002

SETIU 21 Mei — Pas tidak bimbang dengan pendekatan menyerang terhadap parti pembangkang yang diambil oleh Barisan Nasional (BN) bagi memastikan kemenangan lebih besar dalam pilihan raya akan datang.

Timbalan Presidennya, Datuk Seri Abdul Hadi Awang mendakwa, arahan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad itu menunjukkan kelemahan BN yang selama ini gagal menangani tindakan-tindakan yang dilakukan oleh pembangkang.

“Barang kali itulah BN, mereka berada dalam keadaan defensif sehingga Perdana Menteri terpaksa buat arahan supaya mengubah kepada ofensif,” katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas merasmikan Pusat Pertumbuhan k-Komuniti dan Program Cakna ICT peringkat daerah Setiu di sini hari ini.

## Komponen

Kelmarin, Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN mengarahkan semua parti komponen BN mengambil pendekatan menyerang dan tidak lagi defensif dalam mendedahkan segala kelemahan dan muslihat parti pembangkang.

Dr. Mahathir berkata, pembangkang sebenarnya melakukan banyak penipuan termasuk menjanjikan pelbagai program pembangunan yang malangnya tidak ditunaikan.

Abdul Hadi berkata, Pas sendiri telah lama mengambil tindakan menyerang tetapi pada masa yang sama turut bersikap defensif.

Katanya, Pas tidak takut kepada apa-apa serangan terhadapnya kerana Pas pernah tewas teruk pada pilihan raya tahun 1978 tetapi mampu bangkit semula.